

**KETIDAK-TERHADAN KEMAHUAN MANUSIA DALAM EKONOMI ISLAM
ARUS PERDANA: ANALISIS KRITIKAL BERDASARKAN TASAWUR AL-
QUR'AN¹**

Mohd Zulkifli Muhammad²

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang
E-mel: zulrider@yahoo.com

Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan meneliti tentang salah satu andaian dalam sistem ekonomi Islam arus perdana iaitu ketidak-terhadan kemahuan manusia (unlimited wants) berdasarkan tasawur al-Qur'an. Analisisnya difokuskan kepada dua tujuan utama. Pertama, mengenal pasti ayat-ayat al-Qur'an terpilih yang berkaitan dengan peringkat kemahuan manusia; dan kedua, menganalisis dan merumuskan peringkat kemahuan manusia berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an yang dikenal pasti itu. Analisis kandungan dan kaedah perpustakaan digunakan dalam mencapai hasrat ini. Kertas kerja ini mendapati bahawa berdasarkan tasawur al-Qur'an kemahuan manusia itu boleh dihadkan. Keterhadan ini adalah berasaskan kepada mekanisme pengawalan terhadap peringkat-peringkat kemahuan manusia. Implikasi daripada dapatan kajian ini ialah perlunya satu kajian yang komprehensif dilakukan bagi membina satu resolusi baru dalam andaian ekonomi Islam yang betul.

Kata Kunci: andaian ekonomi Islam arus perdana, ketidak-terhadan kemahuan manusia, tasawur.

¹ Kertas kerja ini dibentangkan di *The 8th ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW 2013)* yang dianjurkan oleh Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) dengan kerjasama Institut Pengajian Siswazah, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada 11 Oktober 2013 bertempat di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

² Mohd Zulkifli Muhammad ialah calon Ijazah Kedoktoran di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang.

PENGENALAN

Ekonomi Islam arus perdana telah mengambil beberapa andaian daripada ekonomi lazim, lalu dijadikan konsep yang sama dan sah dalam ekonomi Islam arus perdana. Bezanya ianya dilapisi dengan elemen-elemen Islam agar menampakkan ianya bercirikan Islam. Andaian yang dimaksudkan ialah ketidak-terhadan kemahuan manusia dan keterhadan sumber alam. Kertas kerja ini bertujuan membincangkan tentang salah satu andaian yang terdapat dalam ekonomi Islam arus perdana iaitu ketidak-terhadan kemahuan manusia.

Secara khususnya, kertas kerja ini cuba untuk menganalisis peringkat-peringkat kemahuan manusia berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an yang dikenal pasti itu. Andaian ini hanya tertakluk dalam konteks ekonomi Islam arus perdana sahaja³. Persoalannya, adakah benar kemahuan manusia tiada had? Adakah ianya boleh dikawal? Sekiranya boleh, adakah mekanisme tertentu yang dapat mengawalinya? Soalan-soalan ini berlegar apabila perbincangan tentang ketidak-terhadan kemahuan manusia dibahaskan oleh sarjana ekonomi Islam arus perdana.

Berhubung isu ketidak-terhadan kemahuan manusia inilah, maka kertas kerja ini akan cuba mencari jalan penyelesaiannya berdasarkan tasawur al-Qur'an. Perbincangannya difokuskan pada dua tujuan utama. Pertama, mengenal pasti ayat-ayat al-Qur'an terpilih yang berkaitan dengan peringkat kemahuan manusia; dan kedua, menganalisis dan merumuskan peringkat kemahuan manusia berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an yang dikenal pasti itu.

Untuk itu, analisis kandungan dan kaedah perpustakaan yang bertumpukan hasil penulisan sarjana Islam yang berkaitan andaian ketidak-terhadan kemahuan manusia telah dijalankan merangkumi sumber bercetak dan elektronik. Namun demikian, analisis ini hanya bertumpu kepada bahan-bahan yang ditulis sama ada dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sahaja. Bahan-bahan berkaitan yang ditulis dalam bahasa selain daripada kedua-dua bahasa ini tidak diambilkira dalam analisis ini.

Bagi mencapai kedua-dua tujuan ini, kajian terhadap beberapa ayat al-Qur'an terpilih tentang peringkat-peringkat kemahuan manusia serta tafsirannya dilakukan. Semua ayat al-Qur'an dalam artikel ini dipilih secara bertujuan (*purposive sampling*), terutamanya yang dapat menjelaskan tujuan kajian. Ia kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dan seterusnya disusun dalam lima bahagian. Pertama, membincangkan definisi operasional dua kata kunci iaitu ekonomi Islam arus perdana dan ketidak-terhadan kemahuan manusia; kedua, membincangkan jenis-jenis kemahuan manusia dalam al-Qur'an; ketiga, membincangkan peringkat-peringkat kemahuan manusia dalam al-Qur'an; keempat, menganalisis ayat-ayat al-Qur'an tentang peringkat kemahuan manusia; dan kelima, kesimpulan.

DEFINISI OPERASIONAL

Terdapat dua kata kunci utama dalam artikel ini. Kedua-dua kata kunci yang dimaksudkan itu ialah ekonomi Islam arus perdana dan ketidak-terhadan kemahuan manusia. Definisi operasional kedua-dua kata kunci inilah yang dibincangkan dalam bahagian ini. Tujuannya

³ Definisi ekonomi Islam arus perdana akan dibincangkan dalam bahagian Definisi Operasional.

ialah untuk menjelaskan maksud yang diguna pakai dalam kertas kerja ini. Penerangan yang lebih lanjut mengenai definisi operasional bagi kata-kata kunci di atas adalah seperti berikut.

Ekonomi Islam Arus Perdana

Terdapat banyak pendefinisian terhadap ekonomi Islam arus perdana daripada beberapa para sarjana ekonomi Islam arus perdana sendiri. Pendefinisian ekonomi Islam arus perdana dipilih kerana para sarjana dalam ekonomi Islam arus perdanalah yang mengutarakan andaian ketidak-terhadan kemahuan manusia yang diambil daripada ekonomi lazim. Di antara definisi tersebut adalah seperti yang diutarakan oleh Muhammad Akram Khan (1983, 1994) bahawa ekonomi Islam merupakan pengkajian ke atas pencapaian '*falah*' manusia melalui penguasaan sumber bumi di atas dasar kooperasi dan penyertaan. M. A. Mannan (1980:3) menghuraikan ilmu ekonomi Islam adalah suatu ilmu pengetahuan sosial yang mempelajari permasalahan ekonomi berdasarkan nilai-nilai Islam. Ia berkaitan dengan pengeluaran, pengagihan dan penggunaan. Pentakrifan ini adalah sama dengan yang diutarakan oleh Khurshid Ahmad (1981, 1992) dan Mohamed Aslam Haneef (1997) dari segi perbincangan penyelesaian permasalahan ekonomi umat manusia. Sementara itu, ekonomi Islam juga ditakrifkan sebagai ilmu pengetahuan, aplikasi dan peraturan-peraturan Syariah bagi mencegah ketidakadilan dalam pencarian dan pengeluaran sumber-sumber, untuk memberikan kepuasan kepada manusia dan memungkinkan mereka melaksanakan kewajipan-kewajipan mereka terhadap Allah dan masyarakat (S. M. Hasanuzzaman, 1984:52). Jika dilihat pentakrifan dari sudut pengeluaran, pengagihan dan penggunaan sumber bumi seperti yang dilontarkan oleh S. M. Hasanuzzaman (1984), ianya sama juga dengan pentakrifan Muhammad Akram Khan (1983, 1994), M. A. Mannan (1980), Mohammad Umar Chapra (2001), Surtahman Kastin Hasan (1990).

Menurut pendefinisian Mohammad Umar Chapra (2001) pula, ekonomi Islam ialah cabang pengetahuan yang membantu merealisasikan kesejahteraan manusia menerusi peruntukan dan pengagihan sumber yang terhad yang berlandaskan kepada ajaran Islam tanpa mengabaikan kebebasan individu atau mengakibatkan ketidakseimbangan dalam makro ekonomi dan ekologi. Pendefinisian ini dilihat sama dengan S. M. Hasanuzzaman (1984), Monzer Kahf (1987) dan Mohamed Aslam Haneef (1997) dari segi kajian ekonomi Islam yang berlandaskan kepada pengetahuan, aplikasi dan peraturan Syariah. Namun begitu, pendefinisian Monzer Kahf (1987) lebih terperinci apabila berbicara akan hal pengetahuan syariah ini. Ini kerana beliau memasukkan elemen-elemen seperti aksiom, sistem nilai, etika, metodologi dan *Islamic worldview* di dalam pendefinisian ilmu ekonomi Islam.

Khurshid Ahmad⁴ (1981, 1992) pula mentakrifkan ekonomi Islam sebagai suatu usaha yang sistematik untuk memahami permasalahan ekonomi dan perilaku manusia dalam hubungannya dengan permasalahan tersebut menurut perspektif Islam. Dilihat dengan lebih teliti, didapati pentakrifan ini sama dengan M. A. Mannan (1980). Kedua-duanya membicarakan tentang hal permasalahan umat manusia di dalam bidang perekonomian yang harus diselesaikan oleh ekonomi Islam.

Menurut Monzer Kahf (1987), ekonomi Islam boleh dilihat sebagai salah satu cabang dari sains ekonomi yang mengkaji berdasarkan kepada paradigma Islam (iaitu aksiom, sistem nilai dan etika), sama seperti kajian terhadap ekonomi kapitalis dan sosialis. Ekonomi Islam juga

⁴ Khurshid Ahmad (1981, 1992) juga mendefinisikan ekonomi Islam sebagai satu disiplin sosial yang memformulasikan semula prinsip ekonomi mengikut nilai-nilai Islam.

dilihat berpunca daripada pandangan hidup Islam (*Islamic worldview*) yang didasari oleh wahyu serta mempunyai metodologi yang fleksibel yang menggabungkan antara ekonomi Keynesian/neoklasikal barat dengan ilmu fiqh (Muhammad Nejatullah Siddiqi, 1989).

Mengikut pendefinisian Mohamed Aslam Haneef (1997) pula, ekonomi Islam adalah satu pendekatan untuk mentafsirkan dan menyelesaikan masalah manusia berasaskan kepada nilai, norma, undang-undang dan institusi-institusi yang didapati dan diperolehi daripada sumber-sumber pengetahuan dalam Islam. Menurut Surtahman Kastin Hasan (1990:11), pendekatan untuk menyelesaikan masalah manusia itu mestilah yang selaras dengan syariat iaitu dari segi memperolehi, mengguna atau mengurus sumber-sumber alam untuk kebaikan diri serta kebaikan bersama secara kebendaan dan kerohanian bagi mendapat keredhaan Allah SWT.

Pendefinisian yang diutarakan oleh pakar ekonomi Islam arus perdana di atas boleh diringkaskan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Matrik Definisi Operasional Ekonomi Islam Arus Perdana

	M. Akram Khan (1983, 1994)	M. A. Mannan (1980)	S. M. Hasanuzzaman (1984)	M. U. Chapra (2001)	Khurshid Ahmad (1981, 1992)	M. Kahf (1987)	M. Aslam Haneef (1997)	S. Kastin Hasan (1990)	M. N. Siddiqi (1989)
Konsep <i>Falah</i>	/								
Koperasi		/							
Permasalahan ekonomi Islam		/			/		/	/	
Pengeluaran, pengagihan dan penggunaan sumber bumi	/	/	/	/				/	
Pengetahuan, aplikasi, peraturan syariah/Islam			/	/		/	/		
Kepuasan manusia			/						
Ketidakadilan dan ketidakseimbangan dalam pengurusan sumber alam			/	/					
Kesejahteraan manusia				/				/	

<i>Islamic worldview</i>									/
Gabungan ekonomi Islam dan Barat									/
Konsep keredhaan Allah								/	

Hakikatnya, kajian ekonomi Islam tertumpu kepada kajian gelagat dan tingkahlaku manusia yang menghayati dan mengamalkan nilai-nilai Islam dengan sepenuhnya dalam satu sistem ekonomi. Manusia tersebut akan mentadbir dan menguruskan sumber perekonomian dengan efektif dan optimum agar kelangsungan kehidupan mereka di dunia dapat diteruskan sebagai seorang hamba kepada pencipta-Nya berlandaskan agama Islam (Ahmad et.al., 2011:17). Menurut Muhammad Syukri Salleh (2003:11) manusia bukanlah makhluk ekonomi, sebaliknya dalam konteks hubungan manusia dengan Allah SWT (*hablumminallah*), manusia adalah hamba Allah SWT. Dalam konteks manusia sesama manusia dan dengan sumber alam (*hablumminannas*), manusia adalah khalifah Allah SWT.

Dalam kertas kerja ini, penggunaan istilah ekonomi Islam arus perdana adalah merujuk kepada sains yang mengkaji tentang masalah manusia dalam bidang perekonomian berdasarkan kepada nilai-nilai dan norma-norma Islam.

Ketidak-terhadan Kemahuan Manusia (*Unlimited Wants*)

Kemahuan manusia boleh diertikan sebagai nafsu atau kemahuan asas iaitu sebahagian daripada anugerah genetik manusia. Nafsu ini boleh dipuaskan secara sementara sama ada secara bersendirian atau kombinasi yang lebih kompleks melalui penggunaan barang-barang yang sesuai dalam kuantiti yang sesuai, dan keinginan untuk memenuhi kehendak yang mendorong aktiviti lainnya (Witt, 2001:26). Sementara itu, Noresah Baharom (2010) pula mendefinisikan kemahuan sebagai berasa mahu, hendak akan sesuatu, berhasrat, menghendaki sesuatu yang terhad, berhasrat, menghendaki, mengharapkan, mengidamkan, memperingin, keinginan apa-apa yang diinginkan dan mempunyai keinginan terhadap sesuatu.

Raiklin dan Uyar (1996:50&53) membahagikan kemahuan manusia kepada dua iaitu keperluan dan kehendak. Keperluan adalah kemahuan yang mendesak dalam mendapatkan barangan dan perkhidmatan untuk memenuhi kepuasan. Keperluan adalah asas kepada kehendak (Maslow, 1970). Kehendak pula termasuk dalam keperluan tetapi melampaui tahap keperluan asas bagi mencerminkan status sosial dan budaya (Heilbroner, 1962).

Menurut Raiklin dan Uyar (1996) lagi, kedua-dua keperluan dan kehendak tergolong dalam bidang kepenggunaan individu yang menjadi matlamat utama usaha pengeluaran dan pedaran dalam semua sistem ekonomi. Kedua-dua keperluan dan kehendak yang disifatkan dengan keinginan adalah untuk memuaskan dan memenuhi perolehan barangan dan perkhidmatan melalui penggunaan (Macpherson, 1977).

Dalam kertas kerja ini, penggunaan kemahuan adalah meliputi keperluan dan kehendak manusia. Ianya menggambarkan kemahuan atau nafsu kepada barangan dan perkhidmatan secara keseluruhan. Dalam kertas kerja ini, perkataan kemahuan manusia dan nafsu digunakan secara bersilih ganti.

KEMAHUAN MANUSIA MENURUT TASAWUR AL-QUR'AN DAN PERINGKATNYA

Terdapat sebilangan ayat-ayat al-Qur'an berkenaan kemahuan manusia atau nafsu. Dalam ayat-ayat al-Qur'an ini, didapati perkataan nafsu banyak digunakan. Seperti yang diterangkan dalam bahagian Definisi Operasional, perkataan nafsu dan kemahuan adalah sama maksud dan digunakan secara bersilih ganti. Antara ayat al-Qur'an tersebut adalah; al-Baqarah, 6-7 dan 10; an-Nisa', 95-99; al-An'am, 110; al-Maidah, 3; an-Nur, 35 dan 40; as-Syams, 4 dan 8-10; Yusuf, 53; ar-Ra'd, 28; az-Zumar, 22 dan 49-51; al-A'raf, 176, 179 dan 200-201; Taha, 117 dan 132; al-Mukminun, 57-61 dan 97-98; an-Nahl, 63 dan 99-100; al-Buruj, 19-22; an-Nazi'at, 37-39 dan 40-41; al-Hadid, 20; Fatir, 5; al-Qiamah, 2; Yunus, 64; al-Fajr, 1-4, 15-20 dan 27-30; an-Ankabut, 69; Yunus, 63; Mujadalah, 22; al-Baiyyinah, 8; al-Jasiyah, 23; al-Anfal, 65-66; as-Sad, 82-83; Saba', 20; al-Muzammil, 1-4 dan 6-7; al-Lail, 1; al-Isra', 79; as-Sajdah, 16; az-Zariyat, 17-18.

Begitu banyak ayat-ayat al-Quran yang dikaitkan dengan kemahuan manusia sama ada secara langsung atau tidak. Jelaslah Allah SWT mengurniakan nafsu kepada setiap manusia. Nafsu dan akal adalah sesuatu yang saling berlawanan. Tetapi kedua-duanya menjadikan manusia makhluk yang paling sempurna. Manusia dikatakan makhluk yang paling sempurna kerana manusia adalah makhluk yang lebih baik daripada malaikat dan binatang. Malaikat hanya memiliki akal. Binatang hanya memiliki nafsu. Sedangkan manusia memiliki kedua-duanya sekali. Hawa nafsu mempunyai perkaitan dengan dua perkara penting. Pertama, keengganan menunaikan kewajipan beribadat kepada Allah SWT serta bersikap pasif dalam mematuhi perintah-Nya. Kedua, kecenderungan melakukan kemungkaran dan penderhakaan kepada perintah Allah SWT. Kemungkaran ini boleh menyebabkan dosa dan maksiat atau bersifat aktif dalam mengerjakan larangan Allah SWT (Muhammad Hasan, 2011).

Kemahuan manusia pada hakikatnya menyeru manusia untuk melampaui batas dan mengutamakan kehidupan duniawi. Sedangkan Allah SWT menyeru manusia untuk bertakwa dan tidak menuruti keinginan hawa nafsu. Hati manusia berada dalam dilema tersebut. Sama ada mengikut perintah Allah SWT dan larangan-Nya atau tenggelam dengan hawa nafsu. Di sinilah sebenarnya manusia diuji. Manusia yang mengetahui hakikat nafsu dan tabiatnya, pasti mengetahui nafsu adalah sumber segala kejahatan dan tempat segala keburukan. Manusia juga pasti mengetahui setiap kebaikan yang ada pada nafsu adalah kurniaan Allah SWT yang diberikan kepadanya. Bukan berasal dari nafsu itu sendiri (Ali Muhammad, 2011). Seperti firman Allah SWT dalam Surah an-Nur ayat 21 yang bermaksud:

"Dan sekiranya tidaklah kerana kurnia Allah dan rahmat-Nya kepada kalian, nescaya tidak seorang pun dari kalian bersih (dari perbuatan-perbuatan keji dan mungkar itu) selama-lamanya." (an-Nur:21)

Secara ringkas, peringkat kemahuan manusia dapat dibahagikan kepada tujuh (7) peringkat. Pertama, nafsu *ammarah* iaitu nafsu yang rendah dan jahat. Nafsu yang berani melakukan kejahatan. Nafsu yang terhimpun dalamnya sifat-sifat *mazmumah* seperti degil, sombong, angkuh, ego, berani membuat maksiat dan berbangga dengan kejahatan yang dilakukannya. Kedua, nafsu *lawwamah* iaitu nafsu yang sudah sedar dan insaf tetapi masih lemah dan sering terpengaruh dengan dorongan nafsu. Nafsu ini sering mengkritik diri ataupun menyalahkan diri. Ketiga, nafsu *mulhamah* iaitu nafsu yang berada pada peringkat peralihan antara nafsu *lawwamah* dan *mutmainnah*. Kedudukan nafsu ini tidak tetap. Kadang-kadang naik kepada *mutmainnah* dan adakalanya terjatuh kepada *lawwamah*.

Keempat, nafsu *mutmainnah* iaitu nafsu yang jinak dan tunduk dengan maksud nafsu yang tenang. Ia disebut juga sebagai *qalibun salim* iaitu hati yang selamat sejahtera. Hati yang tetap dengan Allah SWT. Hati yang tidak goyah oleh kejahatan ataupun dorongan nafsu bertaraf rendah. Nafsu ini tiada keinginan kepada maksiat kerana hatinya sentiasa bersih daripada sifat keji dan subur sifat terpuji. Kelima, nafsu *radhiah* iaitu nafsu yang merujuk kepada sifat redha. Redha ialah menerima dengan rela dan sepenuh hati apa sahaja yang datang daripada Allah SWT sama ada hukum hakam, syariat, peraturan ataupun qada' dan qadar Allah SWT. Keenam, nafsu *mardhiah*, di mana kedudukannya ialah mereka redha meredhai. Allah SWT redha ke atas mereka dan mereka redha kepada Allah SWT. Ketujuh, nafsu *kamilah* iaitu nafsu yang dimiliki oleh para rasul dan nabi. Nafsu ini sempurna iaitu kemahuan dan keinginan hanya kepada Allah SWT semata-mata. Keinginan selain kepada Allah SWT diambil sekadar keperluan sahaja dan berhati-hati serta dijaga supaya tidak menyimpang dari jalan Allah SWT (Shuib Sulaiman, 2011).

MEKANISME PENGAWALAN TERHADAP PERINGKAT KEMAHUAN MANUSIA MENURUT TASAWUR AL-QUR'AN

Terdapat banyak ayat di dalam al-Qur'an yang menjelaskan berkenaan peringkat kemahuan manusia. Namun, hanya 35 ayat sahaja yang dikumpul dan dipilih untuk dianalisis dalam kertas kerja ini. Ini seperti yang digambarkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Ayat-ayat al-Quran Tentang Pengawalan Kemahuan Manusia

Mekanisme Pengawalan	Surah & No. Ayat	Inti Pati Ayat
1. Hakikat dan Sifat-sifat Nafsu	An-Nisa', 28; Ibrahim, 34; al-Isra', 11 dan 100; al-Anbiya', 37; al-Kahfi, 54; al-Ahzab, 72; Fussilat, 49; al-Ma'arij, 19-21; al-Qiyamah, 5-6; al-'Alaq, 6-7; al-'Adiyat, 6-8; al-Nahl, 78; Fathir, 8.	Mengetahui hakikat dan sifat-sifat nafsu agar dapat mengawalinya
2. Konsep <i>Khauf</i>	Al-Baqarah, 40; al-Anfaal, 2.	Takut kepada Allah SWT untuk melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah SWT
3. Konsep Sabar	Al-Baqarah, 153 dan 155; Ali-Imran, 200; az-Zumar, 10, as-Syuuraa, 43; Muhammad, 17; al-Hadid, 17; Al-'Asr, 1-3.	Sabar dalam menahan diri dengan mengerjakan segala perintah Allah SWT dan menahan diri dari meninggalkan segala larangan-Nya
4. Konsep Redha	Al-Nisa', 65; al-Taubah, 59;	Merasa patuh dengan berlapang

	Muhammad, 26.	dada serta gembira menerima syariat yang digariskan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya
--	---------------	--

Jadual 2 menunjukkan 35 ayat al-Quran tentang mekanisme pengawalan yang telah dikenal pasti dan dipilih untuk dianalisis dalam kertas kerja ini. Ayat-ayat ini kemudiannya dibahagikan kepada empat mekanisme. Pertama, ayat-ayat al-Qur'an tentang hakikat dan sifat-sifat nafsu. Kedua, ayat-ayat al-Qur'an tentang konsep *khauf*. Ketiga, ayat-ayat al-Qur'an tentang konsep sabar. Dan keempat, ayat-ayat al-Qur'an tentang konsep redha. Sebenarnya terdapat banyak lagi mekanisme-mekanisme pengawalan lain, namun hanya empat sahaja yang diutarakan dalam kertas kerja ini kerana ianya bersifat lebih umum. Adapun mekanisme-mekanisme lain lebih ringkas sifatnya dan mungkin boleh dimasukkan dalam keempat-empat mekanisme tersebut.

ANALISIS AYAT-AYAT AL-QUR'AN TENTANG PENGAWALAN KEMAHUAN MANUSIA

Penganalisan ayat-ayat al-Qur'an tentang kemahuan manusia ini dibuat mengikut kelompok mekanisme ayat sebagaimana yang dijelaskan dalam bahagian sebelum ini. Ia dibahagikan kepada empat kelompok mekanisme, iaitu:

Pertama: Hakikat dan Sifat-sifat Nafsu

Terdapat banyak ayat-ayat al-Quran tentang watak dan sifat-sifat nafsu. Antaranya diterangkan dalam beberapa firman Allah SWT seperti berikut:

"Allah hendak memberikan keringanan kepadamu. Dan manusia itu dijadikan bersifat lemah." (An-Nisa':28)

"Sesungguhnya manusia itu sangat zalim dan sangat mengingkari (nikmat Allah)." (Ibrahim:34)

"Dan manusia berdoa untuk kejahatan sebagaimana ia berdoa untuk kebaikan. Dan adalah manusia bersifat tergesa-gesa." (Al-Anbiya':37)

"Dan adalah manusia itu sangat kikir." (Al-Isra':100)

"Dan manusia adalah makhluk yang paling banyak membantah." (Al-Kahfi:54)

"Sesungguhnya Kami telah mengemukakan amanat kepada langit, bumi dan gunung-gunung, maka semuanya enggan untuk memikul amanat itu dan mereka khawatir akan mengkhianatinya, dan dipikullah amanat itu oleh manusia. Sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat bodoh." (Al-Ahzab:72)

"Manusia tidak jemu-jemu memohon kebaikan. Dan kalau ia ditimpa kesusahan maka menjadilah ia seorang yang sangat berputus asa, lagi sangat nyata kesan putus harapnya (dari rahmat pertolongan Allah)." (Fussilat:49)

"Sungguh, manusia diciptakan bersifat suka mengeluh. Apabila dia ditimpa kesusahan dia berkeluh kesah. Dan apabila mendapat kebaikan (harta), dia menjadi kikir." (Al-Ma'arij:19-21)

"Tetapi manusia hendak membuat maksiat terus menerus. Dia bertanya, "Bilakah hari kiamat itu?" (Al-Qiyamah:5-6)

"Ketahuilah! Sesungguhnya manusia benar-benar melampaui batas, kerana dia melihat dirinya serba cukup." (Al-'Alaq:6-7)

"Sesungguhnya manusia itu sangat ingkar tidak berterima kasih kepada Tuhannya, dan sesungguhnya manusia itu menyaksikan (sendiri) keingkarannya, dan sesungguhnya dia sangat bakhil kerana cintanya kepada harta." (Al-'Adiyat:6-8)

Inilah di antara sifat-sifat manusia yang diterangkan di dalam al-Qur'an. Beberapa kemahuan itu adalah zalim. Zalim yang dimaksudkan di sini adalah meletakkan sesuatu tidak pada tempatnya dan tergesa-gesa. Antaranya terlalu menyayangi harta sehingga ingkar untuk mengeluarkan zakat yang wajib, sering memohon dengan terus mendesak namun lambat dalam menunaikan kewajibannya, suka mengeluh apabila ditimpa kesusahan dan tidak mensyukuri nikmat yang diberikan oleh Allah SWT. Selain itu, kemahuan manusia yang lain adalah suka membantah dan banyak bertanya tidak pada tempatnya. Hal itu seperti dicontohkan dalam kisah Musa a.s. tatkala menyampaikan berita tentang perintah Allah SWT untuk menyembelih lembu betina kepada kaumnya.

Kejahilan dan kebodohan juga termasuk dalam sifat-sifat nafsu manusia, seperti dalam Surah An-Nahl ayat 78 yang bermaksud:

"Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun dan Ia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran) supaya kamu bersyukur." (An-Nahl:78)

Oleh yang demikian, kita menyaksikan banyak manusia yang sering menentang kebenaran dan tindakannya itu beranggapan bahawa dirinya berada di jalan yang lurus.

"Maka (fikirkanlah) adakah orang yang diperelokkan kepadanya amal buruknya (oleh Syaitan) lalu dia memandangnya dan mempercayainya baik, (bolehkah disifatkan sebagai orang yang menjalankan peraturan yang ditetapkan Allah untuk memberi hidayat kepadanya atau sebaliknya?) kerana sesungguhnya Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendakiNya dan Dia juga memberi hidayat petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya. Oleh itu, janganlah engkau membinasakan dirimu (wahai Muhammad) kerana menanggung dukacita terhadap kesesatan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan apa yang mereka kerjakan." (Fathir:8)

Selain daripada itu, antara kemahuan manusia yang lain adalah berputus asa ketika mengalami kesulitan dan penderitaan, sombong, melampaui batas, bakhil ketika kaya, menyukai harta dan sifat-sifat terkeji yang lain. Berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an di atas, disebut beberapa perilaku dan nafsu manusia yang tersembunyi dalam dirinya. Dengan mengetahui hakikat dan sifat-sifat nafsu, ia dapat diperbaiki dan disucikan secara terus

menerus agar dapat dikendalikan sehingga ia menjadi manusia yang baik yang dapat mengawal kemahuan dirinya (Ali Muhammad, 2011). Pembaikan dan penyucian itu mustahil untuk dilakukan kecuali diketahui rahsia hakikat dan sifat-sifat nafsu itu sendiri (Mohd Yusoff, 2007).

Kedua: Konsep *Khauf*

Maksud *khauf* ialah takut kepada Allah SWT, iaitu perasaan gerun dan gementar kepada kekuasaan, kekuatan dan kebesaran Allah SWT. Ia juga membawa maksud takut akan kemurkaan Allah SWT, sukatan dan takdir yang tidak diketahui kedudukan diri di sisi Allah SWT. Perasaan *khauf* mesti disertakan dengan mengerjakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Manusia akan menjadi baik secara semula jadi apabila ada perasaan takut kepada Allah SWT (Shuib Sulaiman, 2011).

Allah SWT menerangkan dalam Surah al-Baqarah ayat 40 yang bermaksud:

"Wahai Bani Isra'il! Kenangkanlah kamu akan segala ni'mat yang telah Kuberikan kepada kamu, dan sempurnakanlah perjanjian (kamu) denganKu, supaya Aku sempurnakan perjanjianKu dengan kamu; dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu merasa gerun takut, (bukan kepada sesuatu yang lain)." (al-Baqarah:40)

Dan dalam Surah al-Anfaal ayat 2 yang berbunyi:

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatNya) gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat- ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah." (al-Anfaal:2)

Seseorang tidak akan berasa takut kepada Allah SWT apabila tidak mengenali-Nya. Mengenal Allah SWT adalah dengan mengetahui sifat-sifat ketuhanan dan sifat-sifat kesempurnaan bagi zat-Nya. Manusia juga perlu mengetahui segala perkara yang disuruh dan segala perkara yang ditegah oleh Islam. Dengan berbuat demikian, maka seseorang itu akan merasa takut kepada Allah SWT (Abdul Lotif Hajis, 2007). Antara kebaikan merasa *khauf* kepada Allah SWT ialah; pertama, dapat menghindarkan diri daripada melakukan perkara yang ditegah Allah SWT. Kedua, dapat membendung kemahuan kepada kebendaan yang melampau dan menyuburkan kebaikan dalam kehidupan sosial ekonomi. Dan ketiga, mendorong umat Islam membangun dalam semua aspek, kebendaan dan kerohanian. Misalnya dari aspek kebendaan dalam bidang perekonomian, maju ke hadapan dalam keadaan sejahtera kerana disertai aspek kerohanian yang takut kepada Allah SWT. Hal ini terjadi kerana aspek rohani yang bersih dari sifat keji menjadikan aspek kebendaan mendatangkan kebaikan dan manfaat kepada kehidupan manusia. Oleh yang demikian, secara tidak langsung maka terbitlah keterhadan dalam kemahuan seseorang terhadap sesuatu kebendaan.

Ketiga: Konsep Sabar

Sabar dapat diertikan sebagai menahan diri bagi mendapatkan keredhaan Allah SWT. Sabar juga adalah kemampuan menahan diri dari keluh kesah, rasa derita, tekanan, kecewa dan putus asa kepada sesuatu yang tidak disukai. Misalnya kesabaran diuji apabila menghadapi musibah bencana, kesusahan, kesakitan dan kematian. Sabar sangat-sangat dituntut dalam

Islam. Allah SWT ada menyatakan supaya menjadikan sabar sebagai penolong seperti dalam Surah Al-'Asr ayat 1-3 yang berbunyi:

"Demi masa, sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian, kecuali orang yang beriman dan orang-orang yang mengerjakan amal soleh dan nasihat menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat dan menasihati supaya menepati kesabaran." (al-'Asr:1-3)

Allah SWT bersumpah dengan masa adalah penting dengan alasan perkara itu perlu diambil perhatian. Allah SWT mengiringinya dengan amaran iaitu manusia berada dalam kerugian. Apabila manusia tidak mahu tergolong dalam golongan yang rugi, mereka perlu beriman dan beramal soleh, saling nasihat menasihati kepada kebenaran dan kesabaran.

Oleh yang demikian, manusia wajib mendidik agar nafsunya bersabar dan tidak berputus asa untuk memperbaikinya. Sesungguhnya Allah SWT menghidupkan hati yang mati sebagaimana Dia menghidupkan bumi yang mati, asalkan pemilik hati mengusahakan ke arah itu dan bersabar dalam bermujahadah. Seperti dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan orang-orang yang meraih petunjuk, Allah menambah petunjuk kepada mereka dan memberikan ketakwaan kepada mereka." (Muhammad:17)

"Ketahuilah bahwa Allah yang menghidupkan bumi setelah matinya (kering). Sungguh, telah Kami jelaskan kepadamu tanda-tanda (kebesaran Kami) agar kamu mengerti." (Al-Hadid:17)

Dalam mentafsirkan ayat ini, Ibnu Kathir (1992) berkata, ayat itu memberikan isyarat bahawa Allah SWT melunakkan hati yang mengeras, memberi petunjuk kepada orang yang tersesat dan melapangkan hati orang yang bersedih dan bersabar. Allah SWT menghidupkan hati yang keras dengan ayat-ayat al-Qur'an kemudian memasukkan cahaya ke dalamnya yang sebelumnya tertutup dan tidak dimasuki oleh apa-apa pun. Yang penting adalah jangan berputus asa dan sentiasa bersabar (Rahmat H. M. dan Fahrizal Al-Boncelli, 2011; Ali Muhammad, 2011).

Sifat sabar itu dipuji oleh Islam kerana orang yang bersabar menunjukkan dia beriman dengan sempurna kepada Allah SWT dan menunjukkan dia taat dan menjunjung segala perintah agama. Seperti firman Allah SWT;

"Hai orang-orang yang beriman, mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan sabar dan (mengerjakan) shalat, sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar." (Al-Baqarah:153)

"Dan sungguh akan Kami berikan cobaan kepada kalian, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar." (Al-Baqarah:155)

"Hai orang-orang yang beriman, bersabarlah kalian dan kuatkanlah kesabaran kalian dan tetaplah bersiap siaga (di perbatasan negeri kalian) dan bertakwalah kepada Allah supaya kalian beruntung." (Ali 'Imraan:200)

"Tetapi orang yang bersabar dan mema'afkan sesungguhnya (perbuatan) yang demikian itu termasuk hal-hal yang diutamakan." (Asy-Syuuraa:43)

"Katakanlah (wahai Muhammad akan firmanKu ini, kepada orang-orang yang berakal sempurna itu): "Wahai hamba- hambaKu yang beriman! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu. (Ingatlah) orang-orang yang berbuat baik di dunia ini akan beroleh kebaikan (yang sebenar di akhirat). Dan (ingatlah) bumi Allah ini luas (untuk berhijrah sekiranya kamu ditindas). Sesungguhnya orang-orang yang bersabarlah sahaja yang akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira."

(Az-Zumar:10)

Orang yang beriman kepada Allah mengetahui perkara yang berlaku ke atas dirinya adalah kehendak Allah SWT yang tidak dapat dielak lagi. Sifat sabar apabila berusaha keluar dari masalah juga adalah suruhan Allah SWT dan tuntutan syariah. Keresahan dan bersangka buruk kepada Allah SWT serta melanggar syariah adalah dilarang. Begitu juga dengan orang yang taat. Mereka tidak merasa susah dalam mengerjakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya.

Allah SWT menganugerahkan Rasulullah SAW sebagai penghulu segala Rasul dengan darjat Ulul al-Azmi. Gelaran Ulul al-Azmi adalah kerana kesabaran dalam menghadapi karenah dan ragam manusia. Manusia biasa juga mendapat darjat yang tinggi apabila mampu bersabar dalam menghadapi masalah yang datangnya daripada manusia. Hal yang demikian, sudah menjadi kebiasaan manusia mudah tercabar apabila berhadapan dengan ragam manusia. Apabila mampu bersabar sudah tentu kerana kewujudan sifat sabar yang kuat (Shuib Sulaiman, 2011; Syed Mahazir Shariff Ahmad, 2011).

Sabar amat digalakkan ketika menghadapi tiga situasi berikut. Pertama; menahan diri untuk mengerjakan segala perintah Allah SWT. Kedua, menahan diri dari meninggalkan segala larangan Allah SWT. Dan ketiga, menahan diri dan tetap tenang tanpa rasa tertekan dan putus asa ketika menghadapi sebarang musibah ataupun bencana. Tuntutan-tuntutan kemahuan manusia sebenarnya dapat diatasi sekiranya manusia dapat bersabar dan menahan diri mereka dari terjebak dengan kemahuan yang melampaui batas. Oleh itu, andaian kemahuan manusia sebenarnya dapat dikawal justeru dapat dihadkan.

Keempat: Konsep Redha

Redha adalah suatu sifat daripada sifat *makrifah* dan cinta kepada Allah SWT. Redha bermaksud menerima dengan rasa senang, rela Allah SWT itu sebagai Tuhan, redha Rasulullah sebagai rasul, redha Islam sebagai agama, redha dengan segala apa yang diberikan oleh Allah SWT baik berupa peraturan ataupun qada' dan qadar.

Sebagaimana firma Allah SWT;

"Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad)! Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul diantara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa dihati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya." (An-Nisa':65)

"Dan (amatlah baiknya) kalau mereka berpuas hati dengan apa yang diberikan oleh Allah dan RasulNya kepada mereka, sambil mereka berkata: "Cukuplah Allah bagi

kami Allah akan memberi kepada kami dari limpah kurniaNya, demikian juga RasulNya sesungguhnya kami sentiasa berharap kepada Allah." (At-Taubah:59)

Redha menerima hukum Allah SWT yang berkaitan dengan perintah dan larangan-Nya adalah manifestasi daripada kesempurnaan iman, kemuliaan takwa dan kepatuhan kepada Allah SWT kerana menerimanya dengan senang hati dan terbuka. Pada asasnya, segala perintah Allah SWT baik yang wajib mahu pun yang sunat, perlu dikerjakan dengan senang hati dan redha. Larangan Allah SWT juga perlu dijauhi dengan lapang dada. Ini adalah sifat redha dengan hukum Allah SWT terutamanya berkenaan kemahuan manusia.

Allah SWT berfirman yang bermaksud;

"Berlakunya yang demikian ialah: kerana mereka berkata kepada orang-orang yang tidak menyukai perkara yang diturunkan oleh Allah: "Kami akan patuh kepada kamu pada setengah perkara (yang berhubung dengan menentang Muhammad dan pengikutnya) itu. Sedang Allah Mengetahui segala (perkataan dan perbuatan) yang mereka sembunyikan." (Muhamamd:26)

Ayat ini menunjukkan perbandingan hati yang penuh redha dan yang tidak redha menerima hukum Allah SWT. Hati yang redha adalah hasil daripada kemurniaan iman dan kejayaan mengawal nafsu dan kemahuan yang melampaui batas. Hati yang tidak redha pula adalah hasil gejala orang munafik, iaitu orang yang hatinya bertentangan dengan apa yang diperkatakannya (Mohd Yusoff, 2007, Shuib Sulaiman, 2011).

Oleh yang demikian, sebarang kemahuan yang melampaui batas ditolak awal-awal oleh seseorang yang mempunyai rasa redha kepada Allah SWT. Pendapat pakar ekonomi Islam arus perdana tentang kemahuan manusia tidak terhad adalah tidak benar. Ini kerana seseorang Islam yang dapat menerapkan jiwanya dengan sifat redha pasti akan berhasil dalam mengawal setiap kemahuan mereka. Perasaan rasa patuh dan berlapang dada mereka serta gembira menerima syariat yang digariskan oleh Allah SWT dan rasul-Nya adalah kerana rasa cinta mereka kepada Allah SWT dan ini adalah tanda keimanan yang murni serta tulus ikhlas kepada-Nya.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan secara keseluruhan ayat-ayat al-Qur'an sebelum ini, dapat dirumuskan bahawa kemahuan manusia terbahagi kepada beberapa peringkat dan terhad sifatnya. Menurut tasawur al-Qur'an, kemahuan manusia boleh dihadkan berdasarkan kepada beberapa mekanisme pengawalan. Pertama; berdasarkan kepada pengetahuan tentang hakikat dan sifat-sifat nafsu. Kedua; berdasarkan konsep *khauf* untuk menuruti segala kemahuan. Ketiga, berdasarkan konsep sabar dalam mengawal kemahuan. Dan keempat, berdasarkan konsep redha kepada Allah SWT atas segala sesuatu. Pendapat pakar ekonomi Islam arus perdana tentang ketidak-terhadan kemahuan manusia berlaku apabila disandarkan kepada manusia bebas menuruti segala kemahuan yang diinginkan oleh mereka. Hakikatnya, ia dapat dikawal melalui beberapa mekanisme pengawalan yang digariskan oleh Islam seperti yang telah dijelaskan di atas. Jelaslah bahawa andaian ekonomi Islam arus perdana tentang kemahuan manusia tidak terhad adalah tidak benar. Oleh yang demikian, perbincangan yang lebih mendalam lagi komprehensif ke arah mencapai satu resolusi baru terhadap andaian ini haruslah dilaksanakan oleh ahli ekonomi Islam agar ianya selaras dengan konsep ketauhidan

kepada Allah S.W.T. dan tasawur Islam yang sebenar, tidak sekadar hanya tempelan daripada ekonomi lazim.

RUJUKAN

Abdul Lotif Hajis (2007). *Mengekang Gelora Nafsu*, Johor Bahru: Pustaka Azhar.

Ali Muhammad (2011). *Mengendalikan Hawa Nafsu: Upaya Meraih Ridha Allah*, Jakarta: Qisthi Press.

Heilbroner, R. L. (1962). *The Making of Economic Society*, Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.

Ibn Kathir, al-Hafiz Abi al-Fida' Isma'il. (1992). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Jld. 1, Beirut, Lubnan: Dar al-Ma'rifat.

Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid (2011). *Ekonomi Islam: Satu Pendekatan Analisis*, Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Khurshid Ahmad (1981). *Studies in Islamic Economics*, Leicester, UK: Islamic Foundation.

Khurshid Ahmad (1992). "Nature and Significance of Islamic Economics", in Ausaf Ahmad and Kazim Raza Awan (1992). *Lectures on Islamic Economics*, Kertas Kerja dan Prosiding International Seminar on 'Teaching Islamic Economics for University Teachers', Jeddah, Arab Saudi: Islamic Research and Training Institute, Bank Pembangunan Islam.

Macpherson, C. B. (1977). "Needs and Wants: An Ontological or Historical Problem?", dalam Fitzgerald, R. (Ed.), *Human Needs and Politics*. Australia: Pergamon Press.

Maslow, A. H. (1970). *Motivation and Personality*. New York: Harper & Row.

Mohamed Aslam Haneef (1997). "Islam, the Islamic Worldview, and Islamic Economics", *IJUM Journal of Economics and Management*, 5 (1), 39-65.

Mohammad Umer Chapra (2001). *What is Islamic Economics*, Pemenang Hadiah IDB, Lecture Series No. 9, Jeddah, Arab Saudi: Islamic Research and Training Institute, Bank Pembangunan Islam.

Mohd Yusoff (2007). *Bimbingan Akhlak Mulia dan Nilai-nilai Murni*, Selangor: Berlian Publications.

Monzer Kahf (1987). "Islamic Economics: Notes on Definition and Methodology", kertas kerja yang dibentangkan di *International Workshop on the Methodology of Islamic Economics*, Bayero University, Kano, Nigeria, July.

Muhammad Abdul Mannan (1980). *Islamic Economics: Theory and Practice*, Delhi, India: Idarah-I Adabiyat-i.

- Muhammad Akram Khan (1983). *Islamic Economics*, Vol. 1, Leicester, UK: Islamic Foundation.
- Muhammad Akram Khan (1994). *An Introduction to Islamic Economics*, Islamabad, Pakistan: International Institute of Islamic Thoughts and Institute of Policies Studies.
- Muhammad Hasan (2011). *Biografi Nafsu Manusia*, Selangor: PTS Millennia.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi (1989). *Muslim Economic Thinking: A Survey of Contemporary Literature*, terj. Mohd. Amin Abdullah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Syukri Salleh (2003). *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*, Kuala Lumpur: Zebra Editions dan Pulau Pinang: Projek Pengurusan Pembangunan Islam (IDMP), Universiti Sains Malaysia.
- Noresah Baharom (2010). *Kamus Dewan*. Jld. 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahmat H. M. dan Fahrizal Al-Boncelli (2011). *The Power of Miskin*, Selangor: Al-Hidayah House of Publishers.
- Raiklin, E., & Uyar, B. (1996). "On the Relativity of The Concepts of Needs, Wants, Scarcity and Opportunity Cost", *International Journal of Social Economics*, 23 (7), 49-56.
- S. M. Hasanuz Zaman (1984). "Definition of Islamic Economics", *Journal of Research in Islamic Economics*, 1 (2), 55-60.
- Shuib Sulaiman (2011). *Indeks Prestasi Nafsu*, Selangor: PTS Islamika.
- Surtahman Kastin Hassan (1990). *Ekonomi Islam*, Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Surtahman Kastin Hassan dan Sanep Ahmad (2010). *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Mahazir Shariff Ahmad (2011). *Merawat 7 Penyakit Hati*, Johor Bahru: Pustaka Azhar.
- Witt, Ulrich (2001). "Learning to Consume—A Theory of Wants and the Growth of Demand", *Journal of Evolutionary Economics*, 11(1), 23-36.